

05/06/2001

Masyarakat perlu bersama martabatkan bahasa Melayu

Kamal Shukri Abdullah Sani

TULISAN Tengku Adnan Mahmud dari Kuantan, Pahang, mengenai usaha meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris yang disiarkan dalam ruangan ini pada 15 Mei lalu, menarik minat saya untuk memberikan komen mengenai perkara sama.

Apa yang diperkatakan beliau jelas memperlihatkan sikap yang bukan luar biasa di kalangan bangsa kita iaitu meragui, sangsi serta pesimis terhadap kemampuan bahasa sendiri, hanya lantaran terdidik dalam Bahasa Inggeris serta ingin cepat maju.

Berdasarkan tulisannya juga menunjukkan Tengku Adnan berpendidikan Inggeris. Penulis di sini tidak berniat untuk menghentam, cuma sekadar ingin berkongsi pandangan dan maklumat, selain membetulkan anggapan serta kekeliruan berkaitan isu itu.

Pertamanya saranan Tengku Adnan samalah nadanya seperti dengan saranan seorang pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada satu seminar di Genting Highlands, baru-baru ini.

Pensyarah itu berkata, bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris, semua kegiatan kokurikulum termasuk Persatuan Bahasa Melayu perlu dijalankan dalam Bahasa Inggeris.

Mujurlah tidak timbul cadangan supaya penguasaan Bahasa Inggeris dapat dipertingkat dengan lebih cepat dan lebih berkesan jika pengajaran Bahasa Melayu sendiri perlu dilakukan dalam Bahasa Inggeris.

Hujah bahawa bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Allahyarham Syed Nasir, berbahasa Inggeris dengan ligatnya dalam perbualan (tidak rasmi bukannya dalam mesyuarat), bukanlah alasan yang dapat mewajarkan Bahasa Inggeris digunakan dalam keadaan rasmi, termasuk pengajaran teknikal dan sains.

Isu perbincangan yang berlangsung dalam Bahasa Inggeris (berdasarkan pengalaman dinyatakan oleh penulis) di Kementerian Pendidikan, mahupun kementerian lain juga bukan sebab wajar untuk menghalalkan pengajaran teknikal dan sains dalam Bahasa Inggeris.

Selalunya alasan seperti demi kemajuan, kurang istilah dan kurang bahan rujukan sering diutarakan bagi menghalalkan penggunaan bahasa Inggeris, sedangkan ini bukanlah masalah pokok perkara itu.

Istilah bukan tidak ada. Malah saya percaya banyak antara kita, mungkin tidak sedar institusi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia sudah lama menerbitkan cakera padat mengandungi 50,000 istilah sains bagi rujukan pelajar. Ini belum lagi, pihak lain seperti DBP dan IPTA lain.

Malah, jika diizinkan saya memaparkan beberapa contoh. Secara peribadi saya mempunyai ramai teman yang menjadi pensyarah, malah profesor di IPTA lulusan aliran Melayu tulen. Mereka memperoleh sarjana dan doktor falsafah di England atau Amerika Syarikat.

Mereka juga ada yang menterjemah dan menulis buku rujukan berkaitan bidang kepakaran masing-masing, termasuk teknikal dan sains. Namun, diakui mungkin ada seorang dua yang mencari jalan mudah untuk tidak menggunakan bahasa Melayu kerana lebih 'selesa' menggunakan Bahasa Inggeris, bahasa perantaranya ketika mengutip ilmu di England atau Amerika.

Pensyarah seperti ini hanya mementingkan diri dan tidak sedikitpun mempunyai rasa tanggungjawab sosial terhadap Bahasa Melayu, bahasa negara sendiri, khususnya turut sama berkorban bagi terus menjayakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam bidang sains dan teknologi.

Bayangkanlah, apa akan berlaku jika semua mata pelajaran itu diajar

dalam Bahasa Inggeris. Tidakkah tindakan itu akan mengendalakan segala usaha selama ini bagi menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu seperti memperbanyak istilah teknikal/sains dalam bahasa Melayu?

Ke manakah pula akan dihumban segala buku yang sudah, sedang dan akan diterjemah dalam Bahasa Melayu? Tidakkah bertambah sendat stor DBP di Hulu Klang, Selangor yang sedia sendat itu?

Apakah Institut Terjemahan Negara Malaysia juga perlu ditutup terus sekalipun atas alasan fungsinya kurang berkesan pada dulu dan sekarang.

Jika dengan bahasa Inggeris semata-mata, maka kita boleh maju atau akan maju dengan cepatnya. Mengapa Filipina dan India misalnya, tidak juga tergolong sebagai negara maju, sedangkan Bahasa Inggeris adalah bahasa percakapan mereka, bahasa tadika, sekolah rendah, menengah dan universiti?

Tiada ciptaan agung yang boleh dibanggakan bagi kedua-dua negara itu serta berpuluh-puluh lagi negara bekas jajahan British. Mungkin kita tidak perlu melihat Jepun dan Korea Selatan, yang memang terkenal dengan kemegahan bahasa sendiri.

Jika Tengku Adnan banyak cerita mengenai Inggeris dan Harvard, penulis juga mempunyai sedikit cebisan cerita mengenai Jepun kerana pernah belajar di sana.

Malah senang sekali berbahasa Jepun, seronok menonton filem/drama Jepun, menikmati juadah Jepun, tetapi penulis tetap tidak rela bahasa pengantar pendidikan di Malaysia diJepunkan kecuali Bahasa Jepun itu sendiri.

Cuba kita lihat Finland, sebuah negara kecil dengan penduduk cuma beberapa ratus ribu saja. Telefon bimbit jenama terkenal Nokia ciptaan mereka digunakan di merata dunia. Bahasa mereka bukannya Inggeris. Bahasa hanyalah alat.

Janganlah pula kita merelakan diri untuk diperalatkan oleh Bahasa Inggeris, sebagai unsur imperialisme bentuk baru, sedangkan kita mempunyai bahasa sendiri yang mempunyai kekuatan dan kelebihan yang dapat dipupuk dan perlu dipupuk, diperkasakan dan bukannya dipinggir, diketepi, dinafi fungsinya hanya dengan pemikiran singkat yang sempit.

Sebagai contoh mudah, adakah kita mahu Bahasa Melayu hanya digunakan bagi berjual beli ikan di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur, tetapi apabila menjual kereta Mercedes (sekalipun di Kuala Lumpur dan kepada 'seorang Ali' atau 'seorang Lee' warga Malaysia) maka kita perlu menggunakan Bahasa Inggeris? (hanya sebab kereta itu dibuat di Jerman dan cuma dipasang di Malaysia).

Siapakah dapat yang memberi taraf atau nilai ekonomi terhadap bahasa Melayu di Chow Kit atau di bilik pameran kereta tadi? Tentunya bukan orang lain tetapi kita sendiri.

Penguasaan bahasa, tanpa mengira apa juga bahasa, termasuk Inggeris, Jepun, Jerman dan Perancis diakui perlu. Ini samalah fenomenanya seperti permohonan maaf untuk berucap dalam Bahasa Inggeris dalam suatu majlis rasmi, sekalipun hanya dengan kehadiran seorang kulit putih yang belum tentu berbahasa Inggeris kerana dia hanyalah seorang Jerman atau Perancis.

Usahlah dibiarkan kita dikuasai pula oleh sesuatu bahasa itu. Alangkah nipisnya 'iman bahasa' kita. Jika direnung, penguasaan ilmu melalui bahasa sendiri lebih berkesan, semula jadi dan memungkinkan minda kreatif kita aktif bagi melahirkan idea asli bagi rekaan baru.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pernah menyatakan ketika merasmikan Gerakan Cintailah Bahasa Kita pada 11 Disember 1987, bahawa kecintaan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah asas kecintaan terhadap negara yang perlu dipupuk dan dikembangkan dengan 'amalan'.

Katanya, amalan akan menjadi 'bukti' bagi menyubur dan memekarkan perasaan cinta, serta memberi keyakinan untuk terus mencintai bahasa kebangsaan.

Justeru, menuntut ilmu dalam bidang teknikal, sains dan teknologi pastinya sebahagian daripada `amalan' tanda kecintaan kita terhadap bahasa sendiri yang sebenarnya mampu mengungkap pelbagai ilmu sejak dulu, dan perlu terus diperlengkap dan digunakan dan bukannya disisih dengan penuh rendah diri.

Kita mempunyai fungsi sendiri. Paling tidak berusaha menyedarkan diri sendiri bahawa jika bukan kita yang berusaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu teknologi dan aeorangkasa, siapa lagi yang perlu melakukan tanggungjawab itu.

Kebetulan pula lahirnya kita di sini. Jika lahirnya kita di bumi sana, bersama-samalah pula kita memartabatkan bahasa di sana pula.

Akhirnya janganlah dikatakan tanah tinggi rendah jika kita yang tidak pandai menari. Hendak seribu daya. Mahu seribu cara.